

17 JUN 1998

DR MAHATHIR SAMPAI AMANAT SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan amanatnya pada majlis taklimat presiden menjelang Perhimpunan Agung Umno ke-52 yang bermula Jumaat ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Taklimat itu disampaikan kepada anggota Majlis Tertinggi, Exco Pemuda dan Wanita, ketua-ketua bahagian, naib-naib ketua bahagian, ketua Pemuda dan wanita Bahagian, setiausaha bahagian, bendahari bahagian dan ketua penerangan bahagian.

Dr Mahathir pada pertemuan secara tertutup itu dijangka menyentuh pelbagai isu yang mungkin timbul pada perhimpunan agung parti.

Sejumlah 1,907 perwakilan dari seluruh negara dijangka menghadiri perhimpunan tahun ini yang akan berlangsung di Dewan Merdeka PWTC selama tiga hari.

Jumlah itu termasuk seorang Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, 42 orang anggota Majlis Tertinggi, 30 perwakilan Pemuda dan Wanita serta 1,803 perwakilan bahagian.

-- BERNAMA

ZKS RON